<u>NEWS CLIPPING</u>

| | |
|---|---|
| EVENT | PLANNER NOTEBOOK REKAAN KHAS |
| Publication | HARIAN METRO |
| Page/ Section | BISNES |
| Date | 30 DECEMBER 2016 |
| Time | |

# Planner Notebook rekaan khas

**Kuala Lumpur:** 7-Eleven Malaysia memperkenalkan 'Planner Notebook' yang direka khas dengan menampilkan rekaan karakter atau ikon comel tokidoki.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Gary Brown berkata, pihaknya kembali menawarkan pelbagai produk yang boleh dijadikan koleksi sebagai memenuhi permintaan pelanggan.

"Kami yakin menerusi program kesetiaan eksklusif ini akan menjadi keutamaan kepada pelanggan dan percaya boleh memenangi hati mereka dengan keunikan ditampilkan.

"Mereka yang mendapatkan Planner Notebook tokidoki juga berpeluang menyumbang RM1 bagi kempen 'Protect and Save the Children'," katanya dalam kenyataan, di sini.

Planner Notebook tokidoki terdiri daripada 9 reka bentuk yang berbeza digabungkan dengan watak kegemaran sepanjang zaman iaitu Cactus Kawan, Donutella, Moofia dan Unicorno.

Kempen ini berlangsung lapan minggu bermula 12 Disember 2016 hingga 7 Februari 2017 dan sepanjang tempoh ini, pelanggan diberi ganjaran dengan pelekat program bagi setiap pembelian dibuat di 7-Eleven.

Jika pelanggan berjaya mengumpul 24 pelekat, pelanggan boleh menebus Planner Notebook tokidoki secara percuma. Planner Notebook tokidoki tersedia bagi nota perancangan tahun 2017 sehingga 2019, yang menjadikan ia sebagai barangan mudah dibawa untuk pelajar sekolah dan mereka yang bekerja.



PLANNER Notebook tokidoki tersedia bagi nota perancangan tahun 2017 sehingga 2019.